

## Analisis Psikometrik Literasi Media Baharu dan Pemantapan Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda

MOHD SUFIEAN HASSAN  
*Kolej Universiti Islam Melaka*

MAIZATUL HAIZAN MAHBOB  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

SITI NURSHAHIDAH SAH ALLAM  
*Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka*

### ABSTRAK

Literasi media baharu merupakan literasi teras yang membimbing pengguna media supaya menggunakan media secara berintegriti. Selain itu literasi media baharu juga merupakan keupayaan untuk memahami secara kritikal dan menghasilkan kandungan dalam media. Bagi memacu transformasi nasional seiring nilai agama dan budaya, penerapan nilai integriti golongan muda secara langsung melahirkan pemimpin beretika dan mengurangkan kecenderungan tindakan tidak bermoral dalam sistem politik negara. Bagi menguji nilai integriti, model literasi media baharu diuji ke atas 388 mahasiswa negeri Melaka dari empat Institusi Pengajian Tinggi iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka, Universiti Multimedia, (MMU) Melaka dan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Instrumen skala literasi media baharu dibentuk daripada model kecekapan utama digital dan literasi media untuk menguji nilai integriti golongan muda melalui Analisis Faktor Pengesahan (CFA) dan pembentukan Model CFA Skala Literasi Media Baharu. Dapatan menunjukkan model Skala Literasi Media Baharu telah mencapai ketepatan padanan yang baik dan mencapai kesahan konvergen berdasarkan hubungan pemboleh ubah yang signifikan. Skala ini turut mencapai kesahan diskriminan dan kesahan prediktif yang menyokong ciri-ciri psikometrik versi Bahasa Melayu. Kajian ini secara langsung menyumbang kepada pembentukan skala literasi media dan pemahaman terhadap literasi media baharu kepada masyarakat, pihak kerajaan dan pengamal media dalam memberikan tafsiran dan kefahaman sesuatu mesej.

**Kata kunci:** *Literasi, media baharu, integriti, penyertaan politik, golongan muda.*

## Psychometric Analysis of Media Literacy and Strengthening the Integrity of Youth Political Participation

### ABSTRACT

New Media Literacy is a core literacy that guides media users to use the media in a sense of integrity. In addition, new media literacy is an ability to understand critically and produce content in the media. To spur national transformation in line with religious and cultural values, applying the integrity value of young people directly produces ethical leaders and reduces the tendency of immoral action in the country's political system. To test the value of integrity, a model of digital competency and media literacy was tested on 388 students from four Higher Education Institutions in Melaka namely Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka Branch, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka, Multimedia University, (MMU) Melaka and Kolej Islam Universiti Melaka (KUIM). New media literacy scale instruments are developed from digital significance modeling and media literacy models to test the integrity of young people through Confirmatory Factor Analysis (CFA) and the

establishment of the CFA Model of Media Literacy Scale. Findings show that multi-dimensional model of media literacy has achieved good matching accuracy and achieves convergence validity based on significant relationship of variables. This scale also achieves discriminatory and predictive validity that supports the Malay version of psychometric features. This study directly contributes to the formation of media literacy scales and understanding of new media literacy that is important for the community, government and media practitioners in interpreting and understanding messages.

**Keywords:** *Literacy, new media, integrity, political participation, young people.*

## PENGENALAN

Isu penyertaan politik golongan muda dalam media sosial dilaporkan memberi impak kepada tindakan agresif dalam kalangan penyokong perhimpunan (Auvinen, 2012). Penggunaan media sosial bagi menyampaikan maklumat tentang aktiviti demonstrasi di kalangan peserta perhimpunan, penyebaran fitnah atau hasutan dilihat boleh menyebabkan negara terdedah dengan serangan dan ancaman luar (Al-Kandari & Hasanen, 2012; Anon., 2016; Razid, 2014). Senario ini mendedahkan bahawa penyertaan politik golongan muda di media sosial tanpa mengikut garis panduan secara langsung memberi kesan kepada nilai integriti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017; Mohd Sufiean et al., 2019). Tindakan tidak berintegriti golongan muda seperti berkongsi maklumat yang tidak tepat (Harper & Conversation 2017), memberi komen negatif (Samuel-Azran Yarchi & Wolfsfeld, 2017), menimbulkan keadaan huru-hara untuk mendapatkan populariti atau tular (Edgerly et al., 2016) dan akhirnya membawa kepada perlakuan jenayah siber (Muhammad, 2014). Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa bagi mengekang dan mengukuhkan nilai integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial, gabungan perspektif kawalan sosial dan literasi media dijangka menghasilkan idea pelaksanaan pengukuhan integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial.

Golongan muda sering dikaitkan dengan tindakan agresif dan mudah menerima ledakan teknologi (Fatimah & Ali Salman, 2015). Kumpulan ini juga secara langsung merupakan agen transformasi nasional yang memandu negara ke arah aspirasi global (Bahtiar, Shamsu & Haslina, 2018). Bagi memacu transformasi nasional seiring nilai agama dan budaya, penerapan nilai integriti golongan muda secara langsung mampu melahirkan pemimpin beretika dan mengurangkan kecenderungan tindakan tidak bermoral dalam sistem politik negara. Kemahiran literasi media telah dibincangkan sebagai kawalan tingkah laku manusia untuk mengekang tindakan tidak berintegriti seperti penyebaran berita palsu, penyampaian maklumat aktiviti demonstrasi di kalangan peserta perhimpunan, penyebaran fitnah atau hasutan yang akhirnya boleh menyebabkan negara terdedah dengan serangan dan ancaman luar (Malaysia, 2016; Al-Kandari & Hasanen, 2012; Mohd Ayop, 2014).

Literasi media amat penting kepada pembaca, pengguna dan penonton maklumat atau informasi dari media. Literasi media merujuk kepada kemampuan pengguna menginterpretasi media dan maklumat dalam media. Menurut Paul Messaris (1998), literasi media adalah pengetahuan mengenai pelbagai media berfungsi dalam masyarakat. Manakala menurut Lewis dan Shally (1998), literasi media bermaksud kemampuan memahami budaya, ekonomi, politik dan teknologi media, penerbitan dan penyiaran maklumat media. Bagi Baran (2014), ia merupakan rangkaian bergerak celik media iaitu celik media yang dirancang untuk meningkatkan kawalan individu kepada media yang mereka gunakan untuk menghantar dan menerima maklum balas. Begitu juga dengan Tornero dan Varis (2010) yang mengatakan, literasi media sebagai kemampuan untuk berkomunikasi di

dalam semua media sama ada media cetak mahupun media elektronik seperti mengakses, meneliti dan menilai gambar, audio serta maklumat dalam media.

Pakar komunikasi, Silverblatt (2000) telah mengemukakan panduan sistematik untuk menjadikan literasi media sebagai sebahagian daripada orientasi ke arah budaya khalayak yang mempunyai literasi media yang baik. Beliau telah mengenal pasti lima elemen literasi media iaitu pengguna harus mempunyai kesedaran terhadap kesan media ke atas individu dan masyarakat. Seterusnya pemahaman kepada bagaimana proses komunikasi berlaku dan pengembangan strategi untuk menganalisis dan membincangkan maklumat di media. Beliau juga menekankan tentang kesedaran kepada kandungan media sebagai sebuah teks yang memberi pemahaman kepada budaya dan diri sendiri dan yang terakhir kefahaman tentang keseronokan dan kefahaman tentang peningkatan kandungan media.

Faktor mudah guna (Ika, Ali Salman & Mohd Helmi, 2013), mudah dibawa, interaktif dan mesra pengguna, jaringan sosial yang lebih luas (Faradillah Iqmar 2014), proses komunikasi lebih berkesan (Siti Ezaleila & Azizah, 2010) dan sokongan sosial (Carr, 2016) mendorong masyarakat menerima teknologi media ini terutama di kalangan golongan muda.

Kajian penggunaan media sosial dalam kalangan golongan muda membuktikan penggunaan medium baharu ini menawarkan aplikasi interaktif dengan ciri-ciri multimedia seperti audio, video dan grafik bergerak, menjadikan media sosial lebih popular dalam pencarian maklumat berbanding media konvensional dalam kalangan Gen-Y. Di samping itu, media alaf baharu ini turut mempunyai ciri-ciri akses dan komunikasi secara terus antara pemilik maklumat dengan kumpulan sasar, di mana maklum balas dan persoalan mendapat respons lebih efisien berbanding media tradisional (Chun, 2017).

Dengan pelbagai maklumat yang mudah diperolehi, menjadikan masyarakat lebih bermaklumat seperti yang diperkatakan oleh Alvin Toffler (1980) dalam karyanya 'gelombang ketiga' (*The Third Wave*). Fokus kertas kerja ini menganalisis secara statistik alat pengukuran literasi media baharu ke arah pemantapan integriti penyertaan politik yang akan menjadi salah satu kaedah penting mendidik penggunaan media berintegriti. Kertas ini juga akan menyentuh aspek literasi media baharu seperti akses, analisis dan penilaian, penciptaan, tindak balas dan tindakan. Ini bermakna, fungsi utama literasi media dalam bidang komunikasi adalah untuk meningkatkan keupayaan komunikasi secara berintegriti dalam kalangan masyarakat dan tidak mudah terpedaya dengan kandungan dalam media.

Justeru itu, bagi menilai tahap integriti golongan muda, kajian ini memilih instrumen literasi media baharu (Koc & Barut, 2016), yang menganalisis kemahiran seperti 1) akses, 2) analisis dan penilaian, 3) penciptaan, 4) tindak balas dan 5) tindakan.

Dengan mengambil kira aspek budaya di Malaysia, kajian ini menambah baik dimensi literasi media dengan memasukkan aspek penyertaan politik yang jarang dikaji. Kebanyakan pengkaji lebih cenderung mengkaji literasi media dalam konteks pendidikan secara kualitatif berbanding kuantitatif.

#### LITERASI MEDIA DAN PENYERTAAN POLITIK

Dengan persekitaran media yang kompleks, maka maklumat mengenai kemahiran literasi media amat diperlukan. Kepentingan literasi media juga adalah untuk melahirkan pengguna yang kritikal yang bukan sahaja menerima secara terus maklumat yang diperolehi tetapi menganalisisnya dengan kritikal. Melalui perkembangan dan kemajuan teknologi media, telah menghasilkan pelbagai data dan maklumat. Proses komunikasi dan mendapatkan

maklumat di kalangan masyarakat juga telah berubah kepada atas talian. Namun kepelbagaian maklumat ini harus ditapis dan dianalisis oleh penggunaanya supaya memperoleh maklumat yang tepat dan sahih. Kebolehan teknikal dan pemikiran kritikal diperlukan bagi menilai dan menganalisis kandungan media.

Walaupun penggunaan media baharu merupakan suatu kaedah efektif memperoleh maklumat, namun ia juga boleh mendorong kepada penyalahgunaan dan jenayah siber. Dengan teknologi digital yang disokong oleh akses dunia media sosial tanpa sempadan, telah menyumbang kepelbagaian trend jenayah komersial, terutama jenayah siber (Nor Azizah, 2018). Jenayah siber ini termasuklah fitnah kepada pemimpin negara, menggugat sistem beraja dan perlembagaan persekutuan yang akhirnya menyebabkan kejatuhan moral, ketidakstabilan politik, sosial dan kedaulatan negara.

Konsep literasi media merupakan kemahiran yang memerlukan kebolehan kritikal pengguna untuk mengatasi dan memproses mesej media, yang dihasilkan dan diedarkan melalui saluran media tradisional dan media baharu (Ciurel, 2016). Literasi media adalah suatu bidang dan pergerakan bagi memudahkan dan menggalakkan kemahiran berfikir secara kritis berorientasikan kepada mesej media. Keupayaan ini perlu diperkasakan supaya dapat membantu mengurangkan atau mengekang risiko kepada pengguna seperti risiko kandungan, risiko maklumat peribadi dan risiko perilaku.

Pengguna media digital mesti memperkasakan diri dengan beberapa kemahiran tertentu untuk menjadikan mereka seorang yang mempunyai literasi media yang baik. Ramai pengkaji membuat penghujahan tentang kemahiran literasi media dan yang paling penting adalah berkaitan dengan kehidupan sivik pada abad ke-21 dalam era digital adalah keupayaan untuk memahami, menganalisis, dan menilai maklumat dalam talian dan berita dalam talian (Burroughs et al., 2009; Kim & Yang, 2016; Martens & Hobbs, 2015; Rivoltella, 2009), kemahiran komunikasi (keupayaan untuk mencari, menyimpan, berkongsi, membuat dan menilai maklumat), pemikiran kritikal, kesedaran terhadap risiko dan peluang dalam talian, aktiviti kreatif dan keupayaan untuk menghasilkan kandungan, untuk menggunakan alat media digital secara inovatif (Rivoltella, 2009), atau perbincangan isu politik (Kahne, Lee & Feezell, 2012).

Literasi kritikal untuk kandungan digital mempunyai dua dimensi: Dimensi dalaman yang membolehkan pengguna menganalisis, menilai dan menghakimi artifak digital baik dari segi kandungan dan persembahan, manakala dimensi luaran adalah perkara yang berkaitan dengan hubungan sosial dalam bahan digital (Hinrichsen & Coombs, 2013). Di samping itu, penting untuk menekankan perkembangan pemikiran kritis dan kemahiran kewarganegaraan digital yang baik. Kemahiran kritikal ini penting terutama di zaman berita palsu. Latihan dalam literasi media baharu akan membantu para profesional masa depan untuk menilai media digital, mematuhi hak cipta dan membangunkan kandungan media secara berhemah yang boleh digambarkan sebagai mewakili nilai dan sentimen warga digital yang baik.

Dalam media baharu, pengguna bukan sahaja menjadi pengguna tetapi turut menjadi penerbit kepada kandungan media (Papacharissi, 2010) terutama kepada aktivis muda (Lee & Ting, 2015). Selain itu, interaksi media digital mampu memberi sokongan kepada golongan muda untuk menjadikan mereka sebagai sumber maklumat dan dalam masa yang sama sebagai penerima maklumat (Flanagin & Metzger, 2008), malah menurut Livingstone (2004) dengan kemahiran penciptaan kandungan, boleh meletakkan mereka bukan sahaja sebagai pengguna tetapi juga warga jagat. Alat dalam media digital telah mengubah keseimbangan penonton dan penyertaan (Gee, 2010). Lebih ramai orang dapat

menghasilkan permainan, muzik, berita dan video mereka sendiri sedangkan sebelum kehadiran media baharu kebolehan ini hanya dipegang oleh profesional media (Bennett, 2008; Flew, 2014). Memandangkan ketersediaan alat penerbitan digital dengan kos yang murah, memberi ruang kepada orang biasa untuk menghasilkan dan mengedarkan bermula dari peringkat permulaan hingga ke pembangunan kandungan. Menurut Flew (2014), literasi media baharu bukan sekadar kemahiran menafsir atau kesedaran kontekstual tetapi ia merupakan siri kemahiran pengeluaran digital yang termasuk kemahiran penciptaan, kemahiran kritikal dalam mengguna dan memberi sumbangan kepada kandungan media.

Tambahan pula, Jenkins et al. (2009) menjelaskan bahawa literasi media baharu ialah kemahiran sosial dan budaya yang dibangunkan atas talian, dan ia dibentuk berdasarkan literasi asas iaitu membaca dan menulis, kemahiran penyelidikan, dan kemahiran analisis kritikal media yang dipelajari di sekolah. Selain itu, Martens dan Hobbs (2015) menambah bahawa kemahiran kritikal membaca dan menulis dalam era media digital adalah penting untuk meningkatkan kemahiran kritikal golongan muda menganalisis kandungan. Program literasi media baharu yang berkesan dan pembelajaran berterusan untuk penyertaan sivik harus disediakan. Kesemua di atas adalah kemahiran literasi media baharu yang diperlukan sebagai rakyat aktif dalam masyarakat demokrasi untuk partisipasi dengan berhemah sama ada dalam konteks sosial mahupun politik.

Literasi digital ini memberikan keupayaan kepada seseorang individu untuk hidup, belajar, bekerja, dan mengambil bahagian sebagai warga digital. Walau bagaimanapun, *Australian Communication Media Authority* (ACMA) (2009) menyatakan bahawa literasi media baharu adalah istilah atau terma yang terbuka kepada tafsiran yang berbeza seperti keupayaan untuk memahami dan menggunakan maklumat dalam pelbagai format dari pelbagai sumber apabila ia dipersembahkan melalui komputer (Gilster, 1997); kemahiran, pengetahuan dan pemahaman yang membolehkan pengguna menggunakan media dengan berkesan dan selamat (European Commission, 2009); dan keupayaan untuk menggunakan, memahami dan mewujudkan komunikasi dalam pelbagai konteks (*Australian Communication Media Authority*, 2009).

Kemahiran literasi media baharu termasuk akses dan mendapatkan semula analisis dan penilaian, komunikasi dan penciptaan, tindak balas dan tindakan (Hobbs, 2010; Kahne et al., 2012; Lin et al., 2013) dan semua kemahiran ini adalah penting dan mendesak pengguna dalam era digital. Bagi maksud kertas ini, literasi media baharu ialah keupayaan menggunakan, menganalisis dan menilai, serta menerbitkan maklumat dalam talian menerusi media digital seperti yang dicadangkan oleh Hobbs (2010), untuk semua aspek kehidupan.

Terdapat perubahan bagaimana orang menentukan literasi media baharu (literasi media digital) yang berpindah dari ekspresi individu kepada penyertaan komuniti (Jenkins et al., 2009) dan penyertaan awam (Rheingold, 2008). Oleh kerana literasi media baharu menyediakan rakyat dengan pengetahuan latar belakang media, seperti penonton, kesan, institusi dan mesej mereka (Burroughs et al., 2009; Martens & Hobbs, 2015), dan juga membenarkan masyarakat menggunakan segala jenis media digital untuk menyuarakan dan berkongsi pandangan mereka (Simsek & Simsek, 2013). Selain itu, bahagian yang paling penting dalam literasi media baharu berhubung dengan proses sivik dan politik adalah pendekatan untuk mengambil bahagian. Ini kerana, pada masa kini, teknologi media digital telah menjadi elemen asas kehidupan sivik dan politik, khususnya untuk golongan muda (Bennett, 2008; Kahne et al., 2012; Simsek & Simsek, 2013). Dapatan ini selari dengan kajian

oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang mendapati pada tahun 2015 seramai 24.5 juta pengguna internet dan media digital merupakan pilihan pertama untuk berkomunikasi dan mencari maklumat (MCMC, 2017).

Literasi media baharu boleh memupuk penyertaan awam terutama golongan muda kerana mereka mempunyai pengalaman langsung melalui wacana dalam talian, perbincangan, penerbitan, dan tindakan kolektif (Rheingold, 2008). Oleh itu, kajian ini mengkaji bagaimana golongan muda Malaysia boleh memahami dan menggunakan media digital untuk demokrasi. Literasi media digital menjadi alat untuk menganalisis keupayaan golongan muda untuk mengambil bahagian dalam penglibatan sivik dan penyertaan politik untuk menyokong institusi dan amalan demokrasi di Malaysia.

Perkaitan di antara komunikasi media dengan politik mempunyai perkaitan yang rapat kerana menjadi medium saluran informasi masyarakat dan kerajaan. Peranan yang amat besar perlu dipikul dalam bidang komunikasi media di Malaysia untuk memberikan didikan dan kemahiran kritikal yang boleh bertindak sebagai medium penyatuan dan kesedaran serta penghalang kepada salah laku dan tindakan tidak bermoral dan berintegriti. Dengan kebebasan yang telah diberikan kepada masyarakat untuk bebas berkomunikasi, menyukarkan pihak berkuasa untuk membendung gejala negatif melalui penggunaan media baharu. Namun literasi media baharu merupakan satu kaedah yang mungkin berkesan bagi memupuk dan memberi didikan sejak di peringkat awal seperti sekolah rendah dan menengah, dan harus diperkukuhkan agar dapat menyediakan warga digital masa hadapan yang penuh dengan integriti dan nilai moral yang baik.

Umumnya sukar bagi pihak berkuasa untuk membanteras gejala tidak bermoral kerana pengguna internet di Malaysia hampir 30 juta orang dan mereka boleh membuka lebih dari satu akaun media sosial dengan beberapa nama samaran lain. Tambahan pula bila sesuatu salah laku itu telah tular, pihak berkuasa perlu memperuntukkan banyak masa untuk menjejaki individu yang mula-mula mengeluarkan kenyataan atau melakukan kesalahan tersebut.

### *Kemahiran Akses*

Aspek akses merupakan kemampuan mencari dan berkongsi maklumat dengan orang ramai menggunakan alat yang telah disediakan (Hobbs, 2010). Ini termasuklah mengemaskini profail peribadi (Paulussen, Courtois, Mechant & Verdegem, 2010), menghantar dan berkongsi maklumat dengan pengguna media sosial yang lain (Maamari & Zein, 2013). Selain itu, bagi menilai hubungan aspek akses dengan penyertaan politik, turut diberi perhatian ialah kemahiran mencari maklumat melalui aplikasi *search* (Koltay, 2011).

Kajian yang dilakukan oleh Buckingham (2005) berkaitan literasi media golongan muda mencadangkan agar pendidikan literasi media dijadikan strategi untuk mendorong masyarakat menggunakan media secara berhemah berbanding tindakan menyekat dan menapis. Antara penekanan yang diberikan adalah dari aspek akses yang memberikan kesan kepada tingkah laku negatif kepada pengguna media.

Menurut Buckingham lagi, aspek akses ini bukan sahaja memberi kesan kepada pengguna hasil daripada maklumat yang diperolehi melalui media baharu malah ia juga merupakan salah satu aspek penting dalam menangani masalah ketidaksamaan sosial (Lee et al., 2015). Walau bagaimanapun menurut Model Akses Pelbagai oleh Van Dijk (2005), seseorang itu mesti mempunyai kemahiran akses kepada media sebelum mereka boleh menggunakan media. Perbezaan dalam penggunaan dapat dijelaskan dari tahap kemahiran digital masyarakat (Van Deursen, & Van Dijk, 2008). Kecekapan akses ini bukan hanya

memberi kesan kepada diri, mentaliti dan emosi malah memberi kesan kepada tindakan seseorang.

#### *Kemahiran Analisis dan Penilaian*

Aspek analisis dan penilaian dianggap kemahiran media literasi yang utama. Ini kerana matlamat utama literasi media adalah untuk mengukur penggunaan media dan keupayaan untuk menganalisis maklumat di media (Eristi & Erdem, 2017). Selepas mengakses kandungan media, satu set kompetensi iaitu analisis dan penilaian diperlukan. Kompetensi ini termasuk keupayaan menganalisis sumber maklumat dan menilai sumber maklumat daripada pelbagai sumber (Lewis & Jhally, 1998).

Analisis dan penilaian ini turut merujuk kepada keupayaan memahami maklumat dan berfikir kritis (*critical thinking*) terhadap sumber maklumat serta keupayaan membandingkan maklumat daripada sumber berbeza (Siti Nurshahidah et al., 2020). Di samping itu, aspek analisis dan penilaian ini mengukur keupayaan golongan muda mencari maklumat politik dan memastikan maklumat tersebut berintegriti yang bercirikan maklumat sahih, tepat dan mempunyai nilai etika serta bermoral (Hobbs, 2010).

Aspek analisis dan penilaian menjadi lebih signifikan kepada golongan muda kerana adaptasi teknologi yang lebih pantas berbanding golongan dewasa dan minat mengeksplorasi aplikasi teknologi secara langsung meningkatkan akses kepada maklumat dan seterusnya mendorong kepada aspek analisis dan penilaian sumber (Lee, 2005).

Di samping itu, adaptasi teknologi golongan muda turut signifikan terhadap aspek analisis dan penilaian kerana elemen media sosial yang menawarkan aplikasi interaksi yang interaktif (Hafez, 2016), capaian maklumat lebih mudah berbanding media tradisional (TV, radio dan suratkhobar) (Ali Salman et al., 2011), proses analisis dan penilaian lebih pantas kerana data serta maklumat lebih mudah diperolehi melalui fungsi enjin carian (*search engine*) dan hal ini secara langsung meningkatkan kecenderungan politik golongan muda.

Justifikasi ini turut disokong oleh Maamari dan Zein (2013) dalam kajiannya ke atas golongan muda di Lebanon yang mendapati, apabila adaptasi teknologi terutama media sosial berlaku pada tahap tinggi, ia meningkatkan kecenderungan politik golongan muda. Ini kerana media sosial menawarkan platform komunikasi baharu yang lebih strategik seperti memberikan interaksi menerima reaksi segera (Kumar & Thapa, 2014), penyebaran maklumat lebih luas dan pantas (Erman, Chang, & Julia Wirza, 2014; Plotkowiak, 2014), aliran maklumat terkini, mudah dan murah untuk dicapai (Ali Salman et al., 2011).

Menurut Hobbs (2010), kecekapan dari aspek analisis dan penilaian ialah pengguna mempunyai pemikiran kritikal, amalan komposisi mesej dan kreativiti, serta keupayaan untuk melibatkan diri secara beretika. Apabila seseorang mempunyai kompetensi literasi digital dan media, mereka mengiktiraf hak peribadi orang lain, agenda korporat, budaya dan politik serta menggunakan hak bersuara mereka mengikut landasan undang-undang (Aufderheide, 1993; Hobbs, 2010).

#### *Kemahiran Penciptaan*

Menurut Kahne et al. (2012) aspek penciptaan adalah keupayaan menjana dan mengarang kandungan dengan menggunakan kreativiti dalam menginterpretasikan idea untuk dikongsi kepada warga digital. Aspek ini juga memberi peluang kepada golongan muda untuk menyuarakan pandangan mereka dan berkongsi maklumat dengan mencipta kandungan media mengenai politik dari perspektif golongan muda dalam bentuk yang pelbagai.

Pendapat ini selari dengan idea Hobbs (2010) mengenai aspek penciptaan, yang merupakan inisiatif mewujudkan kandungan media dalam pelbagai bentuk dan format.

Aspek penciptaan merupakan aspek teknikal yang sangat penting kepada individu untuk menghasilkan kandungan media. Kebolehan ini membantu individu mencipta dan menghasilkan kandungan media seperti klip video, gambar serta teks dengan mudah dan berkesan. Kementerian Pendidikan Finland menekankan aspek penciptaan kandungan media kerana ia lebih interaktif dan mampu memberi pemahaman dan makna yang ingin dicipta (Commission, 2010). Justeru itu, dengan pemahaman yang baik maka penghasilan kandungan media akan lebih berkesan dan berhemah terutama dalam isu-isu berkaitan penyertaan politik.

Aspek ini penting kerana mengurangkan kos bagi pengguna untuk membuat kandungan dalam persekitaran digital. Oleh itu, pengeluaran maklumat politik menjadi mudah, cepat, dan murah. Melalui platform media sosial, pengguna boleh menyediakan dan menyebarkan mesej dengan mudah dan berautonomi. Malah menurut Casero-Ripollés (2017), ia memberi ruang yang lebih besar kepada rakyat untuk mencipta kandungan mereka sendiri berbanding dahulu yang hanya dimonopoli oleh golongan elit sahaja. Hal ini dapat mengukuhkan demokrasi dan memudahkan penyertaan yang lebih besar dalam sfera awam.

#### *Kemahiran Tindak Balas*

Menurut laporan kertas putih bertajuk digital dan literasi media oleh Hobbs (2010), literasi media merangkumi kemahiran seperti pemikiran emosi, dan kemahiran sosial dalam menggunakan teknologi. Malah menurut Koc dan Barut (2016), kemahiran ini termasuklah kemampuan memberi tindak balas secara beretika yang membawa kepada penggunaan media secara kritikal iaitu dengan memikirkan kesan di sebalik tindak balas tersebut. Dengan mengenal pasti kemahiran tersebut, dapat membantu mereka untuk menyelesaikan masalah, menyuarakan pandangan dan hak mereka mengikut prinsip etika, tanggungjawab sosial dan undang-undang (Koc & Barut, 2016).

Tindak balas dalam literasi media juga merupakan suatu perkara yang bergantung kepada sensitiviti penerimaan, budaya, kecerdasan emosi, dan semangat. Justeru itu, sudah pasti ada perbezaan antara tindak balas rakyat satu-satu negara dengan negara lain kerana ia berdasarkan adat resam dan budaya masing-masing. Kandungan media dilihat boleh menentukan sesuatu tindak balas. Satu kandungan media yang diterbitkan dalam sebuah laman media sosial hiburan tidak boleh mempunyai persamaan jika kesan itu dibandingkan dengan kandungan media politik. Ini kerana pertimbangan terhadap potensi risiko dan bahaya mesej media serta memahami bagaimana perbezaan nilai dan pengalaman hidup akan membentuk tindakan penggunaan media dan tafsiran mesej mereka.

Persekitaran kehidupan hierarki masyarakat memainkan peranan utama untuk memutuskan persepsi dan pemahaman seseorang. Melalui tindak balas, seorang dapat meningkatkan keupayaannya untuk menerima maklumat dalam ruang perspektif yang lebih luas dan kritis serta mencerminkan tindakan mereka (Schofield, 2014). Justeru itu, menurut Hobbs (2010) tindak balas perlu disertakan dengan kemampuan seseorang untuk memahami konsep privasi dan awam serta menghargai dan menghormati hak dan tanggungjawab undang-undang (hak cipta, kebebasan intelektual). Penting untuk diketahui bahawa komunikasi mampu mengekalkan status quo, menjatuhkan sebuah kerajaan dan mengubah dunia.



Menurut Nupairoj (2016), tindak balas membantu individu membuat penilaian yang lebih bermoral dan beretika apabila mereka mencipta kandungan dan maklumat media. Ini amat bertepatan dengan teori James Potter (2008), yang menyatakan bahawa seseorang harus mempunyai tanggungjawab sosial dan integriti dalaman yang boleh digunakan untuk kebaikan sendiri dan orang lain. Kemahiran ini juga adalah untuk mengetahui bagaimana keputusan peribadi seseorang mempengaruhi masyarakat dan sumbangannya kepada tindakan tertentu masyarakat. Ia bersesuaian dengan tujuan literasi media untuk mendidik pengguna untuk bertindak balas secara sistematik memahami dan menganalisis pengalaman mereka sendiri sebagai pembaca dan penulis (Martens, 2010).

#### *Kemahiran Tindakan*

Literasi media menjadikan rakyat mahir menggunakan media untuk menyampaikan maklumat, berkongsi idea dan berita dari perspektif lain. Dengan literasi media masyarakat akan lebih jelas terhadap tindakan mereka sama ada memberi kesan positif atau negatif. Hal ini juga akan membolehkan mereka lebih memahami bagaimana untuk bertindak untuk tidak diambil tindakan (Malik, 2008).

Chen, Wu dan Wang (2011) menegaskan bahawa literasi media baharu amat penting kepada generasi abad ke 21 ini supaya mampu menyertai dan memberi pandangan yang kritis dengan pemahaman yang baik terhadap konteks sosial, ekonomi, politik dan budaya sesuatu masyarakat. Malah menurut mereka, individu yang mempunyai kemahiran tindakan ini mampu membentuk idea dan pendapatnya, menyampaikan pegangan dan kepercayaannya berdasarkan analisis dan penilaian yang dibuat terhadap pelbagai sumber media.

Menurut Mihailidis dan Thevenin (2013), pembudayaan pembangunan kemahiran penyertaan berhemah bermula daripada aktiviti harian atas talian. Ia memberi impak yang kuat ke atas tingkah laku mereka dan oleh kerana ramai pengguna media sosial merupakan golongan muda, kemungkinan tindakan tidak berintegriti boleh muncul dan di sinilah pentingnya tindakan bertanggungjawab, sedar dan bertujuan dalam kalangan komuniti maya diharapkan.

#### METODOLOGI KAJIAN

Responden kajian ini adalah seramai 388 pelajar IPT yang terdiri daripada empat universiti di Melaka, Malaysia. Pemilihan pelajar berdasarkan persampelan rawak mudah kepada mahasiswa mahasiswi berumur 21 hingga 30 tahun kerana kumpulan ini merupakan golongan yang aktif dalam penggunaan media sosial di IPT terpilih di negeri Melaka. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden sebagai cara pengumpulan data. Berdasarkan bilangan responden (N = 388) dengan data lengkap dalam kajian ini, saiz sampel ini cukup besar untuk penggunaan SEM (Hair, Black, Babin & Anderson, 2010). Sebelum meneruskan ke pengumpulan data akhir, kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan instrumen telah dijalankan untuk memastikan konsistensi soal selidik. koefisien kebolehpercayaan Cronbach Alpha untuk semua lima pemboleh ubah, melebihi 0.70, menunjukkan konsistensi dalaman yang baik (Hair et al., 2010).

Instrumen yang diadaptasi telah disemak oleh pakar dan seterusnya ujian rintis dijalankan bagi menentukan kesahan soalan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti indikator skala literasi media baharu dengan menggunakan analisis faktor penerokaan dan

mengenal pasti struktur model pengukuran dengan menggunakan analisis faktor pengesahan (CFA).

*Instrumen Kajian*

Borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian digunakan sebagai instrumen kajian ini. Bahagian A terdiri daripada maklumat umum berkenaan pemboleh ubah demografi iaitu jantina, umur, status, kaum, pendidikan dan penggunaan media sosial. Pemboleh ubah ini hanya menerangkan tentang latar belakang responden yang terlibat dengan kajian dan tidak dihubung kaitkan dengan pemboleh ubah bersandar. Bahagian B mengandungi skala literasi media baharu yang diadaptasi daripada Mustafa Koc dan Esra Barut (2016), kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Skala untuk mengukur literasi media baharu merupakan skala yang telah pun mantap dan terbukti kebolehpercayaannya kerana digunakan dengan meluas dalam kajian lepas. Kebolehpercayaan (cronbach alpha) bagi skala literasi media baharu ini ialah 0.95. Penggunaan skala yang telah pun mantap sebenarnya membantu dari segi kebolehpercayaan skala tersebut dalam mendapatkan maklumat melalui orang ramai (Babbie, 2013). Skala ini mengandungi 33 item dan diukur menggunakan skala sela tujuh tahap iaitu daripada 1=sangat tidak setuju hingga 7=sangat setuju. Skala pengukuran ini mengukur akses, analisis dan penilaian, penciptaan, tindak balas dan tindakan.

Jadual 1: Dimensi Literasi Media Baharu dan Alpha Cronbach

<b>Dimensi literasi media</b>	<b>Instrumen Kajian</b>	<b>Definisi Operasi</b>	<b>Cronbach Alpha</b>
Akses	<i>New Media Literacy Scale (NMLS) Mustafa Koc dan Esra Barut (2016)</i>	<b>Akses</b> merujuk kepada individu perlu mempunyai kemahiran mengakses maklumat politik dengan cekap rangkaian media sosial (sign up, log in dan sent message) dan menggunakan media sosial (memuat naik dan memuat turun video, edit gambar, dsb).	.92
Analisis dan penilaian	<i>New Media Literacy Scale (NMLS) Mustafa Koc dan Esra Barut (2016)</i>	<b>Analisis dan penilaian</b> merujuk kepada kemampuan menentukan sama ada kandungan maklumat politik di media sosial beretika, bermoral, berintegriti atau tidak dengan membandingkan maklumat politik dari satu sumber ke sumber yang lain di media sosial.	.92
Penciptaan	<i>New Media Literacy Scale (NMLS) Mustafa Koc dan Esra Barut (2016)</i>	<b>Penciptaan</b> merujuk kepada aktiviti mewujudkan akaun dan mengisi maklumat profil, mencipta kandungan politik yang interaktif di media sosial melalui data terkini dan sahih yang diperoleh seperti statistik, dokumen arkib.	.89

Tindak balas	<i>New Media Literacy Scale (NMLS) Mustafa Koc dan Esra Barut (2016)</i>	<b>Tindak balas</b> merujuk kepada kemampuan memberi sumbangan kepada lapangan perbincangan di media sosial dengan menganalisis isu politik daripada perspektif yang berbeza dan mengabaikan media sosial yang menyebarkan maklumat politik secara tidak bermoral, beretika dan berintegriti.	.91
Tindakan	<i>New Media Literacy Scale (NMLS) Mustafa Koc dan Esra Barut (2016)</i>	<b>Tindakan</b> merujuk kepada aktiviti memuat naik maklumat/ berita/ rencana politik yang sah untuk dikongsi bersama netizen. Memberi maklum balas positif dan tidak kongsi terhadap entri/ komen politik yang berunsur negatif, tidak bermoral, beretika dan berintegriti di media sosial serta melaporkan salah laku di media sosial kepada pihak berkuasa.	.89

### *Analisis Data*

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk memerihalkan profil responden kajian dan analisis faktor penerokaan (*Exploratory Factor Analysis – EFA*) berbantuan perisian IBM SPSS 22.0. Penganalisan EFA merupakan asas penting bagi memantapkan pembangunan konstruk (Schumacker & Lomax, 2010). Kegunaan utama EFA ialah untuk mengurangkan bilangan item dan mengesan struktur hubungan antara item yang membentuk dimensi konstruk (Hair et al., 2010). Dalam kajian ini analisis komponen prinsipal (*principal component analysis*) dengan putaran varimax digunakan bagi menentukan jumlah komponen.

Analisis Faktor Pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis – CFA*) pula dilaksanakan dengan berbantuan perisian AMOS 21.0. CFA bertujuan untuk menentukan bilangan item yang dimasukkan ke dalam konstruk selari dengan apa yang dinyatakan dalam teori (Byrne, 2010). Penilaian ketepatan padanan model CFA ditentukan berdasarkan kombinasi sekurang-kurangnya satu *Absolute Fit Indices* dan satu *Incremental Fit Indices* (Hu & Bentler, 1999; Hair et al., 2010) dan *Parsimony Fit Indices* (PFI) (Hair et al., 2010). Ujian ketepatan padanan digunakan untuk menentukan sama ada model yang diuji patut diterima atau ditolak. Walau bagaimanapun tidak terdapat satu peraturan khusus yang dapat menentukan apakah indeks kesepadanan yang perlu dilaporkan bagi sesuatu model (Hooper et al., 2008; Hair et al., 2010). Penggunaan tiga atau lebih indeks padanan adalah memadai bagi membuktikan sesebuah model mencapai ketepatan padanan, tanpa perlu melaporkan kesemua indeks ketepatan padanan yang wujud (Hair et al., 2010).

## DAPATAN KAJIAN

### *Analisis Faktor Penerokaan (EFA) Literasi Media Baharu*

Skala pengukuran literasi media baharu yang diuji terdiri daripada lima konstruk iaitu akses, analisis dan penilaian, penciptaan, tindak balas dan tindakan yang kesemuanya mengandungi 33 item. Nilai *Kaiser-Meyer Olkin Measure of Sampling Adequacy* (KMO) = 0.942 adalah melebihi nilai >0.6 untuk memenuhi keperluan kebolehfaktor (Hair et al.,

2010; Pallant, 2007). Manakala nilai *Bartlett's Test* adalah signifikan ( $p < .05$ ). Hal ini menunjukkan bahawa item-item yang digunakan dalam Analisis Faktor Penerokaan kajian ini mempunyai kekuatan inter-korelasi yang baik di antara satu sama lain. Jadual 2 menunjukkan dapatan kebolehfaktorannya matriks korelasi konstruk ini.

Jadual 2: Kebolehfaktorannya Matriks Korelasi Literasi Media Baharu

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy		.942
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	9775.983
	Df	528
	sig.	.000

Menurut Hair et al. (2010), item yang mempunyai *factor loading* yang rendah dari 0.50 harus disingkirkan. Dalam kajian ini, kesemua item diterima kerana *factor loading* yang lebih besar dari 0.50 iaitu di antara .523 hingga .978. Bagi menguji kesahan berpusat, pengkaji menggunakan *Average Variance Extracted (AVE)* dan *Construct Reliability (CR)*. Menurut Hair et al. (2010), nilai AVE haruslah lebih besar dari 0.5 dan CR lebih besar dari 0.7. Berdasarkan keputusan nilai AVE bagi akses, analisis dan penilaian, penciptaan, tindak balas dan tindakan, kelima-lima konstruk ini melebihi 0.5. Nilai kebolehpercayaan bagi kelima-lima pemboleh ubah laten (konstruk) adalah di antara 0.866 hingga 0.925, iaitu lebih besar dari nilai 0.70, menunjukkan Cronbach's Alpha dalam keadaan yang baik. Kesahan diskriminan ialah untuk mengukur satu konstruk dengan konstruk yang lain dan seharusnya tidak mempunyai korelasi yang tinggi. Byren (2010) mencadangkan nilai  $r = .90$  atau lebih menunjukkan pemboleh ubah tersebut mempunyai korelasi yang tinggi. Oleh kerana dapatan korelasi dalam Jadual 3 menunjukkan nilai di antara .785 hingga .831, ini bermakna tiada masalah korelasi yang tinggi (*multicollinearity*).

Jadual 3: Purata Ekstraksi Varian, Kebolehpercayaan Konstruk, Kebolehpercayaan dan Korelasi

Pemboleh ubah Laten (Konstruk)	CR	AVE	$\alpha$	Akses	Analisis dan penilaian	Penciptaan	Tindak balas	Tindakan
Akses	0.866	0.620	0.968	<b>0.787</b>				
Analisis dan Penilaian	0.925	0.639	0.930	0.612	<b>0.800</b>			
Penciptaan	0.902	0.647	0.958	0.435	0.641	<b>0.805</b>		
Tindak balas	0.887	0.616	0.980	0.301	0.548	0.791	<b>0.785</b>	
Tindakan	0.899	0.690	0.975	0.285	0.529	0.725	0.886	<b>0.831</b>

Note: AVE = Purata Ekstraksi Varian, CR = Kebolehpercayaan Konstruk,  $\alpha$  = Alpha Cronbach's

Jadual 4: *Factor Loading* Konstruk Hipotesis Terhadap Indikator

Indikator		Konstruk	Statistik Loading
AK1	←	Akses	.906***
AK2	←	Akses	.961***
AK3	←	Akses	.947***
AK4	←	Akses	.873***
AK5	←	Akses	.535***
AK6	←	Akses	.824***
AK7	←	Akses	.562***
AP1	←	Analisis dan Penilaian	.929***
AP2	←	Analisis dan Penilaian	.974***
AP3	←	Analisis dan Penilaian	.963***

AP4	←	Analisis dan Penilaian	.819***
AP5	←	Analisis dan Penilaian	.862***
AP6	←	Analisis dan Penilaian	.832***
AP7	←	Analisis dan Penilaian	.821***
PC1	←	Penciptaan	.523***
PC2	←	Penciptaan	.598***
PC3	←	Penciptaan	.906***
PC4	←	Penciptaan	.957***
PC5	←	Penciptaan	.716***
PC6	←	Penciptaan	.864***
PC7	←	Penciptaan	.827***
TB1	←	Tindak balas	.927***
TB2	←	Tindak balas	.649***
TB3	←	Tindak balas	.974***
TB4	←	Tindak balas	.796***
TB5	←	Tindak balas	.978***
TB6	←	Tindak balas	.964***
TK1	←	Tindakan	.945***
TK2	←	Tindakan	.978***
TK3	←	Tindakan	.898***
TK4	←	Tindakan	.846***
TK5	←	Tindakan	.941***
TK6	←	Tindakan	.949***

\*\*\* Pembeda Regresi Piawai (Standardized Regression Weights) signifikan pada tahap .001 (dua hujungan)

Berdasarkan Jadual 4, semua *factor loading* adalah signifikan pada tahap 0.001 dan melebihi 0.5 bagi semua indikator. Selain itu, nilai regresi piawai yang tinggi (0.523 hingga 0.978) menunjukkan bahawa semua indikator yang diukur (measured variables) secara signifikan dapat mewakili pemboleh ubah pendam (latent variable - konstruk) mereka.

Instrumen yang diadaptasi telah disemak oleh pakar dan seterusnya ujian rintis dijalankan bagi menentukan kesahan soalan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti indikator skala literasi media baharu dengan menggunakan analisis faktor penerokaan dan mengenal pasti struktur model pengukuran dengan menggunakan analisis faktor pengesahan (CFA).


#### *Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Literasi Media Baharu*

Spesifikasi model melibatkan 33 item, iaitu tujuh item bagi akses, tujuh item bagi analisis dan penilaian, tujuh item bagi penciptaan, enam item bagi tindak balas dan enam item bagi tindakan. Namun model ini perlu dimodifikasi bagi memperbaiki padanannya agar model ini mewakili data sampel atau data yang sebenar dengan lebih baik. Modifikasi dilakukan dengan merujuk kepada indeks modifikasi. Keputusannya, item AK1 (.46), AK7 (.48), PC1 (.47), PC2 (.38), TK5 (.42) dan TK6 (.41) dalam model terpaksa disingkirkan kerana *factor loading* yang rendah <0.5. Seterusnya item-item yang mempunyai Modification Index (MI) yang tinggi dan korelasi yang tinggi antara dua item turut dilakukan modifikasi. Berdasarkan Hair et al. (2014), jika korelasi yang tinggi antara dua item, ia boleh digabungkan untuk mendapatkan model padanan. Manakala jika item tidak disokong secara teori, berkorelasi, maka model perlu diubah suai dengan menyingkirkan item dengan *factor loading* yang lebih rendah daripada dua item (Hair et al., 2014).

Setelah item-item tersebut disingkirkan, analisis kedua ke atas model bertambah baik. Model pengukuran dalam Jadual 5 menunjukkan padanan data yang baik dengan lapan petunjuk iaitu ( $\chi^2$ , CMINDF, RMSEA, GFI, IFI, TLI, CFI and PGFI) seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 5. Walau bagaimanapun, Marsh & Hau (1996) mencadangkan nilai Chi-square ( $\chi^2$ ) boleh dibahagikan dengan darjah kebebasan (df = 100) untuk menilai padanan model berbanding menggunakan  $\chi^2$  (CMINDF). Jika kiraan statistik CMINDF kurang dari nilai 5, padanan data bagi model faktor pengesahan adalah baik (Marsh & Hau, 1996). CMINDF untuk model pengukuran ini adalah kurang dari nilai 5 (CMINDF = 2.250). Ini menunjukkan model CFA agak baik. Tambahan pula nilai RMSEA adalah 0.057 iaitu lebih rendah dari .08 seperti yang dicadangkan oleh Kline (2010). Koefisien indeks dalam Jadual 5 semuanya lebih besar dari 0.90 menunjukkan padanan model yang baik (Byrne 2010), dan nilai PGFI lebih besar 0.5 (0.700) yang juga menunjukkan padanan model yang baik dengan data (Hair et. al., 2010). Enam belas (16) item telah digabungkan disebabkan nilai indeks modifikasi (M.I) yang tinggi. Rajah 1 menunjukkan Model CFA untuk kajian ini.

Jadual 5: Analisis Faktor Pengesahan (CFA)

Description	$\chi^2$	CMINDF	RMSEA	GFI	IFI	TLI	CFI	PGFI
Model CFA	573.785	2.250	0.057	.892	.956	.948	.956	.700



Rajah 1: Model CFA Literasi Media Baharu

## PERBINCANGAN

Dapatan menunjukkan model multi-dimensi skala literasi media baharu telah mencapai ketepatan padanan yang baik dan mencapai kesahan konvergen berdasarkan hubungan yang signifikan pemboleh ubah terlibat. Skala ini turut mencapai kesahan diskriminan dan kesahan prediktif yang menyokong ciri-ciri psikometrik versi Bahasa Melayu. Model analisis faktor pengesahan (CFA) dengan kesahan konstruk ini juga memberi gambaran bahawa konstruk akses, analisis dan penilaian, penciptaan, tindak balas serta tindakan dalam model literasi media baharu telah sah diuji mewakili konstruk masing-masing.

Justeru itu, kajian ini mengesahkan bahawa kemahiran literasi media baharu menjadi penyumbang kepada integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial. Dengan ledakan teknologi maklumat pada hari ini membuka platform kepada golongan muda untuk menyertai aktiviti politik terutama di media sosial (Towner, 2013). Akses kepada maklumat politik lebih mudah, pantas, interaktif dan efektif untuk dicapai melalui media baharu (Koo, Chung & Kim, 2014) berbanding maklumat melalui media tradisional seperti suratkhbar (Ali Salman et al., 2011) sehingga menjadikan media baharu pilihan utama golongan muda untuk memperoleh maklumat politik (Dimitrova et al., 2014).

Namun, integriti maklumat media baharu sering dipertikai dan menjadi faktor penyumbang kepada tahap nilai integriti penyertaan politik golongan muda. Semakin tinggi tahap golongan muda menggunakan maklumat politik berunsur provokatif dan sinikal (Bakker, 2007), semakin tinggi kecenderungan golongan muda bertindak agresif dan tidak bermoral dalam menyertai aktiviti politik di media baharu (Al-Kandari & Hasanen, 2012). Keupayaan mengakses maklumat politik yang terkini, sahih dan tepat di kalangan golongan muda dijangka mendorong mereka untuk menyertai aktiviti politik dengan lebih berhemah dengan nilai moral (Ashley & Maksil, 2017), sekaligus membentuk nilai integriti dalam penyertaan politik. Namun, tahap integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial amat dipengaruhi oleh tahap pendidikan (Croke et al., 2016). Ini bermakna lebih tinggi tahap pendidikan, lebih tinggi tahap akses kepada media baharu yang membawa kepada keupayaan mencari maklumat daripada pelbagai sumber (Radovanović, Hogan & Lalić, 2015). Keinginan mencari maklumat politik seperti isu semasa dan diskusi politik di media baharu dijangka didorong oleh kecenderungan politik yang tinggi dalam kalangan responden. Pendapat ini selari dengan kajian Thananithichot (2012) yang mendapati bahawa golongan berpendidikan tinggi lebih cenderung dan minat terhadap politik.

Keupayaan akses maklumat politik di media baharu disertai dengan kemahiran analisis dan penilaian golongan muda dalam menggunakan maklumat politik untuk menyertai aktiviti politik atas talian. Aspek analisis dan penilaian dianggap kemahiran literasi media baharu yang penting dalam membentuk nilai integriti penyertaan politik golongan muda (Eristi & Erdem, 2017). Selepas mengakses kandungan media, satu set kompetensi iaitu analisis dan penilaian diperlukan. Kompetensi ini termasuk keupayaan menganalisis sumber maklumat dan menilai sumber maklumat daripada pelbagai sumber (Lewis & Jhally, 1998).

Analisis dan penilaian ini turut merujuk kepada keupayaan memahami maklumat dan berfikir kritis (*critical thinking*) terhadap sumber maklumat serta keupayaan membandingkan maklumat daripada sumber berbeza. Berdasarkan Rajah 1, kajian ini mencadangkan nilai integriti dibentuk melalui tahap tinggi keupayaan menganalisis dan menilai sumber politik di media sosial dengan menguasai kefahaman nilai maklumat. Aspek analisis dan penilaian ini mengukur keupayaan golongan muda mencari maklumat politik

dan memastikan maklumat tersebut berintegriti iaitu bercirikan maklumat sah, tepat dan mempunyai nilai etika serta bermoral (Hobbs, 2010).

Seterusnya adalah aspek penciptaan kandungan maklumat politik di media baharu. Golongan muda dilaporkan sebagai pengguna media baharu yang mudah mengadaptasi perubahan teknologi komunikasi ini. Penciptaan kandungan politik seperti parodi, mini dokumentari, video cerita pendek, infografik, dan animasi menjadikan variasi media baharu sebagai wadah efektif untuk perkongsian kandungan tersebut.

Kompetensi literasi media baharu seterusnya ialah tindak balas dan tindakan. Bagi aspek tindak balas terhadap integriti penggunaan media baharu, ia dinilai dari segi keupayaan golongan muda memberi sumbangan idea untuk membincangkan isu politik dari perspektif baharu yang berbeza (Zúñiga et al., 2012), namun masih mengekalkan nilai integriti (Hobbs, 2010) dan sentiasa memelihara nilai agama dalam komunikasi di media sosial (Glazier, 2015). Kerelevanan tindak balas ini diukur bagi mengesahkan golongan muda mempunyai nilai integriti ketika berkomunikasi dalam media sosial.

Tindak balas berintegriti dinilai dari segi mengabaikan maklumat politik berunsur provokasi, mengekang penyebaran maklumat palsu, kandungan informasi berunsur fitnah dan sensasi. Menurut Baumgartner (2013), kesan penyebaran maklumat politik berunsur negatif seperti maklumat politik tidak sah, tidak bermoral, tidak beretika dan rendah tahap integriti ibarat '*boomerang effect*' kepada pencetus maklumat kerana akan menerima tindak balas negatif daripada netizen (Hobbs, 2010). Tindak balas negatif daripada netizen ini membentuk tindakan, iaitu aspek literasi media baharu yang turut menyumbang kepada pembentukan nilai integriti penyertaan politik golongan muda. Hasil daripada tindak balas yang berintegriti, maka tindakan penyertaan politik golongan muda akan menjadi lebih bermoral, tidak menyertai aktiviti politik yang berunsur provokasi, bantahan, ancaman dan bertindak agresif yang menjurus kepada perbuatan jenayah serta salah laku.

#### KESIMPULAN

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri psikometrik iaitu aspek kesahan dan kebolehpercayaan skala literasi media baharu yang diadaptasi daripada skala *New Media Literacy* (NMLS) yang dibangunkan oleh Mustafa Koc dan Esra Barut (2016). Hasil kajian mendapati model multi-dimensi skala literasi media baharu telah mencapai ketepatan padanan yang baik dan mencapai kesahan konvergen berdasarkan hubungan yang signifikan pemboleh ubah terlibat seterusnya mencapai kesahan diskriminan dan kesahan prediktif yang menyokong ciri-ciri psikometrik versi Bahasa Melayu. Keperluan untuk menterjemah skala ini ke dalam Bahasa Melayu adalah bagi membuka ruang kajian untuk memahami dan mengukur tahap literasi media baharu dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini perlu dilaksanakan kerana pengukuran literasi media baharu telah menarik perhatian pengkaji di negara Barat (Livingstone, 2004; Martens & Hobbs, 2015) yang perlu disusuli oleh negara membangun seperti Malaysia bagi mendapatkan manfaat dari penggunaan media ini dengan lebih berkesan dan berintegriti. Selain itu, skala ini mengenal pasti kaedah yang tepat untuk membendung salah laku internet yang kian meningkat.



BIODATA

Dr. *Mohd Sufiean Hassan* adalah pensyarah dan dekan di Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Emel: [sufiean@kuim.edu.my](mailto:sufiean@kuim.edu.my).

Dr. *Maizatul Haizan Mahbob* merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Emel: [maiz@ukm.edu.my](mailto:maiz@ukm.edu.my)

*Siti Nurshahidah Sah Allam* merupakan pensyarah kanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA, cawangan Melaka. Emel: [shahidah321@uitm.edu.my](mailto:shahidah321@uitm.edu.my)

#### RUJUKAN

- Ali Salman., Faridah Ibrahim, Mohd Yusof Hj Abdullah, Normah Mustaffa, & Maizatul Haizan Mahbob. (2011). The impact of new media on traditional mainstream mass media. *Innovation Journal*, 16(3), 2–11.
- Al-Kandari, A., & Hasanen, M. (2012). The impact of the internet on political attitudes in Kuwait and Egypt. *Telematics and Informatics*, 29(3), 245–253.
- Anon. (2015). Kemajuan teknologi landasan sebar fitnah tanpa sedar. *Berita Harian Online*. <http://www.bharian.com.my/node/92875> [4 June 2016].
- Anon. (2016). Laporan hak asasi manusia 2015. Retrieved on 2017, Februari 7, from <https://my.usembassy.gov/wp-content/uploads/sites/30/2016/05/hrr-my2015-041316.pdf>
- Ashley, S., & Maksl, A. (2017). News media literacy and political engagement: What's the connection? *Journal of Media Literacy Education*, 9(1), 79–98.
- Aufderheide, P. (1993). Media literacy: A report of the national leadership conference on media literacy. *Media Literacy in the Information Age: Current Perspectives*, 6.
- Australian Communication Media Authority. (2009). Digital media literacy in Australia: Key indicators and research sources. Retrieved from <http://www.acma.gov.au/theACMA/digital-media-literacy-in-australia-key-indicators-and-research-sources> [26 June 2018].
- Auvinen, A. (2012). *Social media - The new power of political influence*. Brussels: Suomen Toivo.
- Babbie, E. (2013). *The practice of social research* (13th ed.). Canada: Wadsworth, Cengage Learning.
- Bahtiar Mohamad, Shamsu Abdu Dauda, & Haslina Halim. (2018). Youth offline political participation: Trends and role of social media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 192–207.
- Bakker, E. (2007). Integrity and cynicism: Possibilities and constraints of moral communication. *Journal of Agricultural and Environmental Ethics*, 20(1), 119–136.
- Baran, S. (2014). *Introduction to mass communication: Media literacy and culture*. New York: McGraw Hill.
- Bennett, W. L. (2008). Civic learning in changing democracies: Challenges for citizenship and civic education. Dlm. Dahlgren (pnyt.), *Young citizens and new media learning for democratic participation* (hlm.57–78). New York: Routledge.
- Buckingham, D. (2005). *The media literacy of children and young people*. London: Ofcom. Retrieved from <https://www.ofcom.org.uk/>
- Burroughs, S., Brocato, K., Hopper, P. F., & Sanders, A. (2009). Media literacy: A central component of democratic citizenship. *Educational Forum*, 73(2), 154–167.
- Carr, C. T., Wohn, D. Y., & Hayes, R. A. (2016). As social support: Relational closeness, automaticity, and interpreting social support from paralinguistic digital affordances in social media. *Computers in Human Behavior*, 62, 385–393.
- Casero-Ripollés, A. (2017). Producing political content for web 2.0: Empowering citizens and vulnerable populations. *El Profesional de la Información*, 26(1), 13.
- Chen, D.-T. V., Wu, J., & Wang, Y. (2011). Unpacking new media literacy. *Journal of Systemics, Cybernetics and Informatics*, 9(2), 84–88.
- Chun, J. W., & Lee, M. J. (2017). When does individuals' willingness to speak out increase on social media? Perceived social support and perceived power/control. *Computers in Human Behavior*, 74(1), 120–129.

- Ciurel, D. (2016). Media literacy: Concepts, approaches and competencies. *Professional Communication and Translation Studies*, 9, 13-20.
- Cole, D. A., Nick, E. A., Zelkowitz, R. L., Roeder, K. M., & Spinelli, T. (2017). Online social support for young people: Does it recapitulate in-person social support; can it help? *Computers in Human Behavior*, 68(1), 456–464.
- Commission, E. (2010). Chapter 1: Approaches - existing and possible - to media literacy. In, *Study on the current trends and approaches to media literacy in Europe*. Retrieved from [https://ec.europa.eu/assets/eac/culture/library/studies/literacy-trends-report\\_en.pdf](https://ec.europa.eu/assets/eac/culture/library/studies/literacy-trends-report_en.pdf)
- Croke, K., Grossman, G., Larreguy, H. A., & Marshall, J. (2016). Deliberate disengagement: How education can decrease political participation in electoral authoritarian regimes. *American Political Science Review*, 110(3), 579–600.
- Dimitrova, D. V., Shehata, A., Strömbäck, J., & Nord, L. W. (2014). The effects of digital media on political knowledge and participation in election campaigns: Evidence from panel data. *Communication Research*, 41(1), 95–118.
- Edgerly, S., Thorson, K., Bighash, L., & Hannah, M. (2016). Posting about politics: Media as resources for political expression on Facebook. *Journal of Information Technology and Politics*, 13(2), 108–125.
- Eristi, B., & Erdem, C. (2017). Development of a media literacy skills scale. *Contemporary Educational Technology*, 8(3), 249–267.
- Erman Anom, Chang Peng Kee, & Julia Wirza Mohd Zawawi. (2014). Political discourse in Indonesia and Malaysia for national human security: A case study of Lahad Datu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(2), 183–200.
- Fatimah Ahmad, & Ali Salman. (2015). Partisipasi politik belia secara “online” melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 81–100.
- Faradillah Iqmar Omar. (2014). Penerimaan media sosial sebagai medium dakwah dalam kalangan mahasiswa KUIS. *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah*, 1-11.
- Flanagin, A. J., & Metzger, M. J. (2008). Digital media and youth: Unparalleled opportunity and unprecedented responsibility. Dlm., *Digital media, youth, and credibility* (hlm. 5–28). Cambridge, MA: The MIT Press.
- Flew, T. (2014). *New media: An introduction* (4th ed.). Melbourne: Oxford University Press.
- Gee, P. J. (2010). *New digital media and learning as an emerging area and “worked examples” as one way forward*. Cambridge: MIT Press.
- Hafez, M. H. M. (2016). *“Facebook” usage during election campaigns and its impact on voters’ attitudes and decisions towards political candidates*. Cairo: Cairo University.
- Harper, C. (2017). Being more media savvy would not stop the spread of fake news: Here’s why. Retrieved on 2017, November 23, from <https://phys.org/news/2017-05-media-savvy-wont-fake-newshere.html>
- Hinrichsen, J., & Coombs, A. (2013). The five resources of critical digital literacy: A framework for curriculum integration. *Research in Learning Technology*. 21(1063519), 1–16.
- Hobbs, R. (2010). *Digital and media literacy*. Washington: The Aspen Institute.
- Hyldegård, J. (2014). Young learners’ use of social media for information seeking: Exploring core LIS Journals from 2010-2014. *LIBRES*, 24(2), 108-117.

- Ika Destiana, Ali Salman, & Mohd Helmi Abd. Rahim. (2013). Penerimaan media sosial: Kajian dalam kalangan pelajar universiti di Palembang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 125–140.
- Jenkins, H., Purushotma, R., Weigel, M., Clinton, K., & Robison, A. J. (2009). *Confronting the challenges of participatory culture: Media education for the 21st century*. Illinois: The MacArthur Foundation.
- Kahne, J., Lee, N.-J. N., & Feezell, J. T. (2012). Digital media literacy education and online civic and political participation. *International Journal of Communication*, 6(1), 1–24.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Garis panduan nilai dan etika penggunaan media sosial bagi guru dan murid*. Putrajaya: Penulis.
- Kim, E.- M. & Yang, S. (2016). Internet literacy and digital natives' civic engagement: Internet skill literacy or internet information literacy? *Journal of Youth Studies*, 19(4), 438–456.
- Koc, M., & Barut, E. (2016). Development and validation of New Media Literacy Scale (NMLS) for university students. *Computers in Human Behavior*, 63(October 2016), 834–843.
- Koltay, T. (2011). The media and the literacies: Media literacy, information literacy, digital literacy. *Media, Culture & Society*, 32(2), 211–221.
- Kumar, R., & Thapa, D. (2014). Social media as a catalyst for civil society movements in India: A study in Dehradun city. *New Media & Society*, 17(8), 1299–1316.
- Lee, A. Y. L., & Ting, K. W. (2015). Media and information praxis of young activists in the Umbrella Movement. *Chinese Journal of Communication*, 8(4), 376–392.
- Lee, A., Lau, J., Carbo, T., & Gendina, N. (2015). *Conceptual relationship of information literacy and media literacy in knowledge societies*. Paris, France: UNESCO. Retrieved from <http://www.unesco.org/>
- Lee, L. (2005). Young people and the Internet. *Young*, 13(4), 315–326.
- Lewis, J., & Jhally, S. (1998). The struggle over media literacy. *Journal of Communication*, 48(1), 109–120.
- Lin, T., Li, J., Deng, F., & Lee, L. (2013). Understanding new media literacy: An explorative theoretical framework. *Educational Technology & Society*, 16(4), 160–170.
- Livingstone, S. (2004). Media literacy and the challenge of new information and communication technologies. *Communication Review*, 7(1), 3–14.
- Maamari, B. E., & Zein, H. E. (2014). The impact of social media on the political interests of the youth in Lebanon at the wake of the Arab spring. *Social Science Computer Review*, 32(4), 496–505.
- Madden, M., Lenhart, A., Cortesi, S., Gasser, U., Duggan, M., Smith, A., & Beaton, M. (2017, July 7). Teens, social media, and privacy. *Internet & Technology*. Retrieved from <http://www.pewinternet.org/2013/05/21/teens-social-media-and-privacy/>
- Malik, S. (2008). *Media literacy and its importance*. Islamabad: Society for alternative media and research. Retrieved from <https://library.fes.de/pdf-files/bueros/pakistan/06542.pdf>
- Martens, H., & Hobbs, R. (2015). How media literacy supports civic engagement in a digital age. *Atlantic Journal of Communication*, 23(2), 120–137.
- Martens, H. (2010). Evaluating media literacy education: Concepts, theories and future directions. *Journal of Media Literacy Education*, 2(1), 1–22.
- MCMC. (2017). *Internet users survey 2017*. Putrajaya: Author. Retrieved from <http://www.mcmc.gov.my>

- Messariss, P. (1998). Visual aspects of media literacy. *Journal of Communication*, 1, 70–80. <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1998.tb02738.x>
- Mihailidis, P., & Thevenin, B. (2013). Media literacy as a core competency for engaged citizenship in participatory democracy. *American Behavioral Scientist*, 57(11), 1611–1622.
- Mohd Ayop Abd. Razid. (2014, June). Jenayah siber isu mencabar. *Mentari*, 8–9. Retrieved from [www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my)
- Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Muhamad Hanapi Khamis, Mohd Hilmi Bakar, Dzaa Imma Abdul Latiff, & Abdul Rauf Hj. Ridzuan. (2019). Perspektif literasi media aspek analisis dan penilaian: Amalan integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 20–32.
- Muhammad Abdullah. (2014). Generasi baharu wajar dipupuk integriti, etika. *Berita Harian Online*. Retrieved on 2016, June 1, from <http://www.bharian.com.my/node/23078>
- Nor Azizah Mokhtar. (2018, 26 Februari). Kes jenayah komersial catat peningkatan membimbangkan. Retrieved on July 26, 2019, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/393204/kes-jenayah-komersial-catat-peningkatan-membimbangkan>
- Nupairoj, N. (2016). The ecosystem of media literacy: A holistic approach to media education. *Comunicar*, 24(49), 29–37.
- Papacharissi, Z. (2010). *A private sphere: Democracy in a digital age*. Cambridge: Polity Press.
- Patton, D. U., Hong, J. S., Ranney, M., Patel, S., Kelley, C., Eschmann, R., & Washington, T. (2014). Social media as a vector for youth violence: A review of the literature. *Computers in Human Behavior*, 35(1), 548–553.
- Paulussen, S., Courtois, C., Mechant, P., & Verdegem, P. (2010). Adolescents' new media literacy in Flanders (Belgium). *Observatorio (OBS\*)*, 4, 361–374.
- Pérez Tornero, J. M., & Varis, T. (2010). *Media literacy and new humanism*. Moscow: UNESCO Institute for Information Technologies in Education.
- Plotkowiak, T. (2014). The influence of social capital on information diffusion in Twitter's interest-based social networks (PhD Thesis, School of Management, Economics, Law, Social Sciences and International Affairs, University of St. Gallen).
- Primack, B. A., Shensa, A., Sidani, J. E., Whaite, E. O., Lin, L. Yi, Rosen, D., & Colditz, J. B. (2017). Social media use and perceived social isolation among young adults in the U.S. *American Journal of Preventive Medicine*, 53(1), 1–8.
- Radovanović, D., Hogan, B., & Lalić, D. (2015). Overcoming digital divides in higher education: Digital literacy beyond Facebook. *New Media & Society*, 17(10), 1733–1749.
- Rheingold, H. (2008). Using participatory media and public voice to encourage civic engagement. Dlm. Bennett, L. (pnyt.), *Civic life online: Learning how digital media can engage youth* (hlm. 97–118). The John D. and Catherine T. MacArthur Foundation Series on Digital Media and Learning (hlm. 97-118). Cambridge, MA: The MIT Press. <https://doi.org/10.1162/dmal.9780262524827.097>
- Rivoltella, P. C. (2009). Constructive controversies within media literacy. Dlm. Verniers, P. (pnyt.), *Media literacy in Europe controversies, challenges and perspectives* (hlm. 43–47). Hershey, PA: IGI Publishing.

- Samuel-Azran, T., Yarchi, M. & Wolfsfeld, G. (2017). Engagement and likeability of negative messages on Facebook during Israel 2013 elections. *The Journal of Social Media in Society*, 6(1), 42–68.
- Schofield, D. (2014). Young people exploring their media experiences - Mediagraphy as a reflection tool in upper secondary school. *Nordic Journal of Digital Literacy*, 9(2), 112–127.
- Simsek, E., & Simsek, A. (2013). New literacies for digital citizenship. *Contemporary Educational Technology*, 4(2), 126–137.
- Siti Ezaleila, M., & Azizah, H. (2010). Media sosial: Tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 37–52.
- Siti Nurshahidah Sah Allam, Mohd Sufiean Hassan, Abdul Mutalib Mohamed Azim, Anisafina Maidin, & Siti Najah Raihan Sakrani. (2020). Media literacy dimension in reinforcing political participation integrity among young people in social media. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(3), 309–329.
- Thananithichot, S. (2012). Political engagement and participation of Thai citizens: The rural-urban disparity. *Contemporary Politics*, 18(1), 87–108.
- Toffler, A. (1980). *The third wave*. New York: William Morrow and Company, Inc.
- Towner, T. L. (2013). All political participation is socially networked? New media and the 2012 election. *Social Science Computer Review*, 31(5), 527–541.
- Van Deursen, A. J. A. M., & Van Dijk, J. A. G. M. (2008). *Measuring digital skills: Performance tests of operational, formal, information and strategic Internet skills among the Dutch population*. Paper presented at the 58th Conference of the international Communication Association.

Appendik: Item Literasi Media Baharu (*New Media Literacy*)

**Akses**

Bil	Item	Statistik Loading
1	Saya mahir dalam mengakses rangkaian media sosial (sign up, log in dan sent message).	.906***
2	Saya cekap dalam menggunakan tools di media sosial.	.961***
3	Saya cekap dalam menggunakan media sosial (memuat naik dan memuat turun video, edit gambar, dsb).	.947***
4	Saya mahir dalam menggunakan aplikasi search untuk mencari maklumat di media sosial.	.873***
5	Saya mampu menggunakan pelbagai media sosial untuk mencari maklumat politik.	.535***
6	Saya mampu mengakses media sosial yang sesuai berdasarkan keperluan dan tujuan seperti berkomunikasi, mencari rakan, dan bermain online game.	.824***
7	Saya mampu mengenal pasti pendapat dan pandangan yang bermoral mengenai isu politik di media sosial.	.562***

**Analisis dan Penilaian**

Bil	Item	Statistik Loading
1	Saya mampu menentukan sama ada kandungan maklumat politik di media sosial bermoral atau tidak bermoral.	.929***
2	Saya mampu membandingkan maklumat politik dari satu sumber ke sumber yang lain di media sosial.	.974***
3	Saya mampu membandingkan maklumat di media sosial dengan kefahaman politik sendiri.	.963***
4	Saya mempertimbangkan untuk menggunakan media sosial yang mempunyai jumlah like, comment, share yang tinggi.	.819***
5	Saya mampu membuat keputusan terhadap kesahihan dan ketepatan maklumat politik di media sosial.	.862***
6	Saya mampu menganalisis kesan negatif (terlibat penipuan, fitnah, hasutan) daripada penggunaan sumber maklumat politik di media sosial.	.832***
7	Saya mampu menilai media sosial yang beretika, bermoral dan berintegriti dalam menyebarkan maklumat politik.	.821***

**Penciptaan**

Bil	Item	Statistik Loading
1	Mudah bagi saya mewujudkan akaun dan mengisi maklumat profil di media sosial.	.523***
2	Saya mampu mencipta kandungan media yang interaktif (teks, audio, video) di media sosial.	.598***
3	Saya mahir berkongsi maklumat politik di media sosial dengan pengguna yang lain.	.906***
4	Saya mampu memberi pendapat, komen dan idea daripada maklumat politik yang dikongsikan oleh pengguna media sosial yang lain.	.957***
5	Saya menggunakan sumber maklumat di media sosial untuk menghasilkan pendapat, komen dan idea kepada pengguna media sosial yang lain.	.716***
6	Data yang diperoleh seperti statistik, dokumen arkib dan fakta bernombor di media sosial membantu saya menghasilkan maklumat politik yang terkini/ sahih.	.864***
7	Saya menghasilkan maklumat/ berita/ rencana politik secara beretika seperti mementingkan kesahihan sumber.	.827***

**Tindak Balas**

Bil	Item	Statistik Loading
1	Saya mampu memberi sumbangan kepada lapangan perbincangan di media sosial dengan menganalisis isu politik daripada perspektif yang berbeza.	.927***
2	Saya memastikan tindakan memuat naik maklumat/ berita/ rencana politik tidak bercanggah dengan ajaran agama.	.649***
3	Saya mengabaikan media sosial yang menyebarkan maklumat politik secara tidak bermoral, beretika dan berintegriti.	.974***
4	Maklumat/ berita/ rencana politik di media sosial meningkatkan kecenderungan saya untuk menyertai aktiviti politik secara online (forum online, diskusi bersama pemimpin politik).	.796***
5	Maklumat/ berita/ rencana politik di media sosial meningkatkan kecenderungan saya melibatkan diri dalam aktiviti politik (menghadiri ceramah politik, kempen, persidangan dsb).	.978***
6	Saya mengabaikan maklumat/ berita/ rencana politik yang tidak sahih daripada dikongsi bersama netizen.	.964***

**Tindakan**

Bil	Item	Statistik Loading
1	Saya memuat naik maklumat/ berita/ rencana politik yang sahih untuk dikongsi bersama netizen.	.945***
2	Saya akan memberi maklum balas positif terhadap entri/ komen yang berunsur negatif mengenai isu politik di media sosial.	.978***
3	Saya tidak share, comment atau like maklumat politik tidak bermoral, beretika dan berintegriti yang disebarkan oleh pengguna media sosial yang lain.	.898***
4	Saya mampu berinteraksi dengan pengguna media sosial yang lain bagi membincangkan isu politik.	.846***
5	Saya menyertai entri yang membincangkan isu atau skandal politik di media sosial.	.941***
6	Saya akan melaporkan salah laku di media sosial kepada pihak berkuasa (SKMM dan PDRM).	.949***